

Pelbagai cabaran kekal, bina semula Gedung Kuning

Jubin lantai serupa corak asal dicari hingga sejauh Vietnam

oleh
Kartini Khalid

MENCARI jubin lantai bercorak yang serupa dengan jubin asal merupakan antara aspek paling mencabar dalam menjalankan kerja pemuliharaan bangunan Gedung Kuning.

Apakan tidak, jubin berwarna-warni yang menghiasi lantai salah sebuah bilik di tingkat satu bangunan itu tidak lagi didapati di Singapura dan hanya boleh dibekalkan oleh seorang pembuat jubin di Vietnam!

Dengan kerja pemuliharaan bangunan itu yang sudah siap kini, bilik berlantai istimewa itu bakal dijadikan antara bilik jamuan khas apabila Gedung Kuning dijadikan sebuah restoran Melayu hujung tahun ini.

Dinamakan Restoran Tepak Si-

rih, restoran itu akan dikendalikan oleh syarikat Beta Investments.

Namun, bukan itu sahaja cabaran yang dihadapi dalam projek memuliharaan Gedung Kuning yang dibina sekitar 80 tahun lalu.

Antara cabaran lain termasuk mengekalkan dan membina semula bumbung dan tangga bangunan itu yang telah rapuh dimakan anai-anai.

Jurubina Bersekutu (Architectural Associate) PWD Consultants Pte Ltd, Encik Abdul Jalil Kadir Mydin, berkata projek pemuliharaan Gedung Kuning rumit kerana kawasan dalamnya lebih 'berhias' berbanding bangunan Istana Kampong Gelam yang terletak berhampiran.

"Ia mempunyai lebih banyak hiasan bercorak, seperti gerbang di tingkat satu dan dua yang mempunyai kerawang-kerawang kecil. Ada

bahagian telah tertanggal dan perlu digantikan dengan teliti.

"Begitu teliti usaha memuliharaan bangunan ini kerana ia perlu menyerupai keadaan asalnya," kata beliau, 36 tahun.

Antara ciri lain yang dikekalkan termasuk kaca tingkap Madras yang berwarna dan mempunyai corak-corak kecil.

Seluruh bangunan yang pernah dimiliki Allahyarham Haji Yusoff Haji Mohd Noor, seorang peniaga baldi dan tali pinggang terkenal, dicat dengan warna kuning emas yang dipercayai hampir serupa dengan warna asalnya.

Pengurus Kanan Yayasan Warisan Melayu, Encik Khalid Shukur Bakri, berkata beliau puas kerana usaha yang terbaik telah dijalankan untuk memulihara bangunan itu.

"Kami harap kemegahan bangunan ini dapat berterusan sehingga dua atau tiga generasi yang akan datang," tambah Encik Khalid, yang berusia 40 tahun.

KEMBALI GAH: Inilah wajah baru bangunan Gedung Kuning, setelah ia dipulihara pada kos \$2.1 juta.





foto-foto Johari Rahmat

RUANG DALAMAN 'BERHIAS': Gerbang kayu yang berkerawang ini akan 'menyambut' ketibaan tetamu di dewan utama di tingkat satu dan dua bangunan Gedung Kuning.

Benta Harian
13 Sept 2003